“Antara (tanda) bagusnya Islam seseorang itu adalah dia meninggalkan perkara yang tidak berfaedah buat dirinya.”

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda: “Antara (tanda) bagusnya Islam seseorang itu adalah dia meninggalkan perkara yang tidak berfaedah buat dirinya.”

[قال النووي: حديث حسن] [رواه الترمذي وغيره]

Nabi menerangkan bahawa sebahagian daripada (tanda) kesempurnaan baiknya Islam seseorang Muslim dan keutuhan imannya ialah dia menjauhi perkara yang tidak bererti buatnya, tidak berkaitan dengannya, tidak penting baginya, dan tidak memberi manfaat kepadanya, sama ada dalam perkataan, perbuatan, atau hal-hal yang tidak berkaitan dengannya dari segi keagamaan mahupun keduniaan. Seseorang insan yang menyibukkan diri dalam perkara yang bukan urusannya mungkin akan menyibukkannya daripada perkara yang sepatutnya diutamakan atau membawa kepada perkara yang wajib dijauhinya. Setiap manusia akan dipertanggungjawabkan atas amalannya pada hari kiamat.

http://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65255